

19 JUN 2002

Umno-Pemuda (Musa)

PEMUDA UMNO SOKONG MUSA TERAJUI KEMENTERIAN PENDIDIKAN

KUALA LUMPUR, 19 Jun (Bernama) -- Pergerakan Pemuda Umno hari ini menyatakan sokongan penuh kepada Tan Sri Musa Mohamad untuk terus menerajui Kementerian Pendidikan walaupun terdapat pihak yang mempersoalkan kepimpinannya.

Ketua Penerangannya Azimi Daim berkata, Kementerian Pendidikan yang sekian lama diterajui pemimpin Melayu terbukti dapat melaksanakan Dasar Pendidikan yang diterima semua.

"Pemuda Umno walaupun ahlinya muda tetapi kita tidak mudah melompat membuat undi tidak percaya kepada Musa walaupun ada orang lain yang lagi cepat melompat," katanya ketika membentangkan usul terima kasih atas ucapan dasar Ketua Pergerakan Pemuda Umno pada perhimpunan agung pergerakan itu di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini.

Rabu lepas Umno Bahagian Senai, Johor meluluskan undi tidak percaya terhadap Musa yang didakwa gagal mempertahankan kepentingan pelajar Bumiputera dengan menambah 10 peratus tempat daripada jumlah sedia ada di Maktab Rendah Sains Mara untuk pelajar bukan Bumiputera dan program Matrikulasi.

Azimi berkata cadangan menambah 10 peratus itu diputuskan kabinet dan sebarang undi tidak percaya kepada Musa juga bermakna meluluskan undi tidak percaya kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kerajaan dan negara.

Beliau juga mendesak Kementerian Pendidikan mempercepatkan penubuhan Fakulti Perubatan di Universiti Teknologi Mara (UiTM) bagi membolehkan lebih ramai pelajar Bumiputera mengikuti pengajian dalam bidang kritikal dan seterusnya melahirkan lebih banyak doktor Bumiputera.

Sementara itu, Ketua Pemuda Umno Bahagian Bachok, Mohd Zain Yassin meminta Kementerian Pendidikan mengkaji semula pelaksanaan Program Khas Pensiswazahan Guru dan Program Pengajian Jarak Jauh di universiti tempatan agar turut merangkumi guru agama.

"Kementerian perlu meneliti perkara ini agar kita tidak dikatakan mengabaikan kemajuan Pendidikan Islam," katanya yang mewakili Pemuda Umno Kelantan ketika membahaskan ucapan dasar itu.

Beliau juga meminta kerajaan bertindak tegas bagi mengatasi masalah sekolah-sekolah agama rakyat di Kelantan yang menjadi "sarang latihan" pemupukan semangat anti kerajaan.

Katanya, tindakan perlu diambil kerana majoriti pelajar lepasan sekolah berkenaan menceburi bidang pendidikan Islam dan akan menyambung tradisi doktrinasi yang diwarisi.

-- BERNAMA

RZS AZZ MOZ